

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI  
[ KUDAT ]**

**TARIKH : 20 MAC 2019 [ RABU ]**

**SOALAN NO. 44**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah kerajaan mempertimbangkan untuk membina Balai Bomba dan Penyelamat untuk Pulau Banggi. Pulau Banggi merupakan pulau yang terbesar di Malaysia namun sehingga kini belum mempunyai Balai Bomba dan Penyelamat sendiri walaupun permohonan telah dibuat sebelumnya. Tanpa kemudahan ini, ia amat menyukarkan penduduk terutamanya ketika berlakunya kebakaran yang besar sepertimana yang berlaku baru-baru ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) merancang pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat mengikut keperluan risiko kebakaran secara strategik. Berdasarkan kajian perlindungan kebombaian (*fire cover*) yang dibuat oleh JBPM, Negeri Sabah memerlukan tambahan Balai Bomba baharu di beberapa kawasan dan memantapkan pengurusan Pasukan Bomba Sukarela (PBS). Walau bagaimanapun, KPKT menyusun keutamaan pembinaan berpandukan tahap risiko kebakaran di kawasan-kawasan yang belum mempunyai Balai Bomba dan siling peruntukan kewangan tahunan yang diluluskan.
2. Bagi memastikan perlindungan kebombaian di Pulau Banggi, JBPM telah meluluskan pos penempatan PBS di pulau tersebut. PBS Pulau Banggi akan dibangunkan semula memandangkan pasukan sebelum ini telah dimansuhkan pada tahun 2016 kerana tidak aktif. Di samping itu, KPKT merancang untuk memperkukuh Pasukan Bomba Komuniti dan akan menganjurkan kempen keselamatan 1RAPI (1 Rumah 1 Alat Pemadam Api) di Pulau Banggi.

Sekian, terima kasih.